

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 20.04.2026 MASA: 12.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERTUKARAN DOKUMEN PERSEFAHAMAN
PELAKSANAAN PEMANDATORIAN CARUMAN SKIM
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI
(LINDUNG KENDIRI) MBSP PERKESO

TARIKH / MASA / TEMPAT

**21 APRIL 2026 (SELASA)
11.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Sri Subahan Kamal

Pengerusi Lembaga PERKESO

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr Mohammed Azman Bin Aziz

Mohammed

Ketua Pengawai Eksekutif Kumpulan PERKESO

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Hairol Bin Man

Pengarah Pelesenan Merangkap Penyelaras Majlis Hari Ini

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang bukan sahaja bermakna, malah mencipta sejarah iaitu **Majlis Pertukaran Dokumen Persefahaman Pelaksanaan Pemandatorian Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Lindung Kendiri) Antara MBSP dan PERKESO.**
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Yang Berbahagia Dato' Sri Subahan bin Kamal dan Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Aziz Mohammed** atas kesudian hadir, sekali gus menyerlahkan komitmen padu kepimpinan dalam memperkukuh agenda kesejahteraan rakyat.
3. Ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak PERKESO; Puan Siti Hajar binti Johor, Pegawai Rasmi Malaysian Book Of Records; seluruh kepimpinan MBSP, para penjaja dan peniaga kecil, serta rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan

yang hadir; yang menjadi nadi dan saksi penggerak ekonomi dan kehidupan bandar raya kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. MBSP dengan penuh rasa bangga melakar satu lagi pencapaian apabila muncul sebagai **Pihak Berkuasa Tempatan pertama di Malaysia** yang menerajui pelaksanaan inisiatif ini bersama PERKESO. Ini membuktikan bahawa MBSP bukan sekadar pentadbir, tetapi pemacu perubahan; memimpin dengan visi, bertindak dengan keberanian, dan berkhidmat dengan jiwa rakyat. Penjaja dan peniaga kecil bukan sekadar mencari rezeki; mereka adalah **wira ekonomi rakyat**, yang menceriakan komuniti kita dari subuh di pasar pagi hingga ke malam di medan selera.
5. Namun, di sebalik usaha gigih mereka, tersimpan pelbagai risiko; kemalangan, kecederaan, malah kehilangan sumber pendapatan. Justeru, perlindungan sosial bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan yang mendesak. Melalui inisiatif ini, lebih **5,641 penjaja berlesen MBSP** akan menikmati perlindungan sosial yang komprehensif di bawah PERKESO; bukan sahaja untuk diri mereka, tetapi sebagai benteng keselamatan buat keluarga tercinta.

6. Apa yang lebih signifikan, kadar caruman yang dikenakan adalah amat berpatutan hasil subsidi Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia. Dengan kos yang minimum tetapi manfaat yang maksimum, inisiatif ini menjadi bukti nyata bahawa **kesejahteraan rakyat bukan sekadar slogan, tetapi satu tanggungjawab bersama yang diterjemahkan melalui tindakan.**

Hadirin sekalian,

7. Pelaksanaan inisiatif ini turut diperkasa melalui **integrasi sistem SPEEDBiz MBSP dengan PERKESO**, memudahkan semakan caruman ketika permohonan dan pembaharuan lesen. Ini bukan sekadar penambahbaikan sistem; tetapi satu lonjakan ke hadapan dalam memperkukuh pendigitalan perkhidmatan awam, selari dengan aspirasi **“Seberang Perai – Aspirasi Bandar Masa Hadapan.”**
8. Melalui usaha ini, MBSP bersama Kerajaan Negeri komited memastikan **tiada seorang pun penjaja atau peniaga kecil tercicir daripada jaringan keselamatan sosial negara**. Kita mahu setiap warga Seberang Perai bukan sahaja mencari rezeki, tetapi hidup dengan rasa dilindungi, dihargai dan bermaruah.

Hadirin yang saya hormati,

9. Saya menyeru kepada seluruh penjaja dan peniaga kecil, sambutlah inisiatif ini dengan hati yang terbuka. Lihatlah caruman ini bukan

sebagai beban, tetapi sebagai **pelaburan masa depan** untuk diri dan keluarga. Dan kepada rakan-rakan media, saya mohon kerjasama untuk menyebarkan mesej ini agar tiada siapa yang terlepas daripada peluang perlindungan ini.

10. Saya yakin, dengan **kerjasama erat MBSP dan PERKESO**, disokong **Kerajaan Negeri Pulau Pinang**, Seberang Perai akan terus muncul sebagai **model bandar raya berdaya huni, inklusif dan mampan**.
11. Akhir kata, dokumen yang kita tukarkan pada hari ini bukan sekadar MoU; tetapi simbol komitmen, lambang keprihatinan, dan manifestasi tanggungjawab kita dalam memartabatkan golongan penjaja dan peniaga kecil sebagai tulang belakang ekonomi bandar raya ini.

Ini adalah langkah kita hari ini, untuk menjamin masa depan yang lebih terlindung, lebih adil dan lebih sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.